



Prakata

Salam sejahtera dan salam perkenalan!

Nama saya Ritz Jaafar dan anda boleh memanggil saya Coach Ritz. Saya berkelulusan Ijazah Senibina Landskap dari Universiti Putra Malaysia. Walaubagaimanapun, minat kepada bidang perniagaan telah mendorong saya berkecimpung dalam dunia perniagaan hampir lebih 10 tahun.

Tanpa bimbingan dan pengalaman, perniagaan yang dijalankan mengalami pelbagai kesukaran yang amat getir. Pengalaman jatuh bangun dalam dunia perniagaan telah mengajar saya pahit maung yang perlu ditempur sebagai seorang ahli perniagaan.

Sejak itu saya sedar bahawa pentingnya bimbingan dan latihan serta ilmu mengenai selok belok perniagaan perlu dipelajari. Tanpa Mentor, Ilmu dan Sistem sesuatu perniagaan itu sukar untuk bertahan.

Bermula pada tahun 2009, saya telah mendalami pelbagai ilmu bagi membina semula perniagaan saya. Pada tahun 2013 saya telah diiktirafkan sebagai Certified Business And Executive Coach dari Universiti Malaya.

Sebagai Business Coach, saya dilatih untuk membimbing dan membantu individu atau mereka yang ingin meningkatkan prestasi dan pembangunan peribadi serta berjaya dalam melaksanakan tindakan.

Kepakaran saya adalah membantu mereka yang bersedia untuk memaksimumkan potensi diri bagi mencapai matlamat dan kejayaan melalui bimbingan dan sokongan moral.

Mengapa Anda Memerlukan Coach?

Dunia telah berubah, dan prestasi anda bergantung kepada kepantasan anda bertindak. Anda tidak dapat memaksimumkan potensi anda, dan mungkin anda tidak begitu pasti bagaimana anda perlu melakukan perubahan pada diri sendiri supaya seiring dengan budaya persaingan pada masa kini.

Dalam dunia sukan juga COACH memastikan atlet dapat dibimbing supaya prestasi mereka sentiasa dipertingkatkan. Tanpa COACH mereka mungkin tidak berjaya mencapai prestasi pada tahap yang maksimum untuk mengecapi kejayaan.

Berikut adalah beberapa keadaan mengapa anda memerlukan COACH :

- Tiada matlamat yang jelas dengan apa yang ingin anda lakukan.
- Tiada pelan tindakan untuk mencapai apa yang anda impikan.
- Kurang fokus dan tumpuan kepada apa yang ingin anda capai.
- Tidak konsisten dalam melaksanakan setiap tugas.
- Kurang yakin dengan idea-idea yang tercetus difikiran anda.
- Ketandusan idea dan mengalami ketepuan.
- Merasakan kurang dorongan dan motivasi untuk bergerak maju.
- Mengalami perasaan takut untuk melaksanakan sesuatu tindakan.
- Sering dibelenggu oleh masalah-masalah silam yang menghalang anda untuk bertindak.
- Sering mengalami kegagalan sehingga mengakibatkan kurang motivasi diri.
- Minda sering diselaputi oleh perasaan negatif mengakibatkan "Mental Blocking".
- Dikelilingi oleh persekitaran yang tidak memberikan sokongan terhadap apa yang ingin anda lakukan.
- Sering menanggung dan lemah dalam membuat keputusan untuk mencapai kejayaan.
- Lemah dalam menghadapi cabaran dan kegagalan kerana kurang jati diri.

Apakah Faedah Positif Coaching Yang Dijalankan ?

Sesi Coaching dihasilkan melalui pelbagai teknik - tetapi Coach adalah seseorang yang mendorong serta memastikan anda bertanggungjawab bagi mencapai matlamat anda dan seterusnya menuju kejayaan.

Beberapa faedah positif apabila anda bekerjasama dengan Coach adalah:

- Membina matlamat dengan jelas dan spesifik.
- Berpeluang untuk menumpukan kepada apa yang ingin anda capai.
- Mewujudkan kuasa bertindak bagi mencapai keputusan yang lebih hebat dalam masa singkat.
- Bimbingan dan dorongan bagi menyokong matlamat anda.
- Membolehkan anda tampil dengan pendekatan baru yang lebih segar.
- Memfokuskan kepada isu-isu dengan lebih spesifik dan serta menguji idea-idea anda.
- Meningkatkan prestasi pembangunan peribadi anda.
- Mewujudkan perasaan kebertanggungjawaban serta komitmen.

Bagaimana Proses Coaching Dijalankan ?

Coaching adalah satu proses perbincangan yang memfokuskan kepada penyelesaian dalam menghadapi sebarang cabaran. Ianya membantu anda menjelaskan apa yang anda mahu dan menentukan langkah-langkah perlu diambil oleh anda supaya anda dapat mengatasinya.

Kebiasaanya, walaupun kita tahu apa yang diinginkan akan tetapi kita tidak dapat mengekalkan motivasi kita bagi mencapainya. Coaching membantu anda melihat betapa pentingnya apa yang sedang anda lakukan dan kenapa perlu anda lakukan. Ianya bertujuan supaya anda lebih fokus kepada matlamat anda sehingga anda mencapainya.

Menurut Steve Miller, Royal Dutch;

"Dalam sesi Coaching ianya menghasilkan perbincangan yang sangat bagus dengan membuka potensi seseorang untuk memaksimumkan prestasi mereka sendiri. Ia membantu mereka untuk belajar dan bukannya mengajar mereka".

Sebenarnya, motivasi datang dari dalam diri anda. Tiada siapa yang boleh memberi motivasi kepada orang lain. Coach berperanan memberi inspirasi kepada anda untuk mendapatkan motivasi dalam mencapai apa yang anda inginkan. Dengan bekerjasama dengan COACH, akauntabiliti diwujudkan dalam diri anda seterusnya anda lebih bertenaga dan bersemangat.

"Sentiasa ingat tiada apa yang lebih penting dari mencari penyelesaian untuk setiap kejayaan dan penyelesaian itu datangnya dari diri anda sendiri"-
Abraham Lincoln

Kaedah Asas Coaching

Coaching yang dikendalikan berasaskan kepada model GROW. Struktur yang terdapat dalam model ini adalah seperti berikut :

Peringkat 1: Goal (Membentuk Matlamat)

Ini adalah titik permulaan, mengenalpasti apa yang diinginkan oleh anda. Matlamat tersebut perlu ditakrifkan dengan jelas setelah mendapat persetujuan anda.

Peringkat 2: Reality (Kenyataan/Realiti)

Mengetahui realiti semasa adalah di mana keadaan atau situasi anda sekarang. Sejauh mana isu-isu dan cabaran berkait rapat terhadap halatuju yang ditetapkan dalam mencapai matlamat anda?

Peringkat 3: Option/Obstacles (Pilihan)

Mengenalpasti halangan dalam mencapai halatuju anda. Setelah halangan anda dikenalpasti, beberapa pilihan langkah penyelesaian perlu dicari bagi menghasilkan kemajuan.

Peringkat 4: Will (Tindakan)


Maka hasil daripada penyelesaian tersebut perlu ditransform kepada langkah-langkah tindakan yang akan membawa anda mencapai matlamat anda. Ini adalah komitmen yang membawa anda ke hadapan.

Pendekatan Yang Digunakan

Cara bagaimana saya menjalankan sesi Coaching adalah berdasarkan beberapa prinsip asas. Perkara paling penting adalah anda mengetahui apa yang terbaik untuk diri anda. Pengetahuan ini bagaimanapun seringkali tidak berada di minda sedar (conscious mind) anda tetapi melalui teknik yang sesuai anda dapat mengaksesnya.

Sebagai Coach peranan saya adalah pemudah cara dalam membantu anda mencari penyelesaian terbaik anda. Proses ini melibatkan anda menjawab beberapa soalan yang sangat sengaja dan berkuasa. Melalui soalan-soalan ini, saya akan membantu dan mencabar kedua-dua pemikiran anda sendiri melebihi batasan yang dapat dilihat oleh anda. Saya juga akan menggunakan beberapa teknik mudah untuk mengakses gerak hati anda melalui pengetahuan yang lebih mendalam tentang diri sendiri.

Dalam setiap sesi, saya dan anda akan mengenalpasti isu yang ingin anda tumpukan. Setelah ditetapkan isu yang ingin dibincangkan, saya akan membantu anda melalui proses berikutnya dengan menanyakan soalan yang sesuai dan memberikan anda ruang untuk menjawabnya. Segala proses adalah kerjasama antara anda dan saya dalam meneroka beberapa cabaran serta kemungkinan.



Berikut adalah penerangan ringkas mengenai apa yang berlaku pada setiap peringkat:

- 1) Menjelaskan apa yang anda mahu;
 - Mengenalpasti kekangan dan perkara-perkara di luar kawalan anda.
 - Memahami mengapa ia adalah penting untuk anda.

- 2) Mengenalpasti langkah-langkah yang ingin anda ambil bagi mencapainya;
 - Reka satu pelan tindakan yang realistik dan praktikal.
 - Perjalanan seribu batu bermula dengan satu langkah dan apakah langkah itu?

- 3) Meningkatkan komitmen anda dalam mencapai apa yang anda mahukan;
 - Meneroka sejauh mana anda komited dengan membantu anda membuat penilaian terhadap kepentingannya.
 - Menghubungkan langkah berkaitan yang perlu diambil .

- 4) Mengukur kemajuan anda;
 - Mengenal pasti halangan dan kaedah mengatasinya.
 - Menentukan pencapaian dengan membantu anda memeriksa jika anda berada di landasan yang betul.

- 5) Meraikan kejayaan anda;
 - Mengakui serta mengesahkan kejayaan anda bagi setiap langkah yang anda ambil setelah anda mencapai arah tuju anda.

Program Coaching Yang Ditawarkan

1) Entrepreneurship Coaching

Bimbingan khusus untuk para usahawan yang ingin membina empayar dan mengembangkan perniagaan sediada. Tumpuan diberikan kepada penentuan matlamat dan mewujudkan pelan tindakan. Mengenalpasti sumber sediada dan pengalaman yang dimiliki bagi membantu meningkatkan potensi perniagaan ke peringkat seterusnya.

2) Small Business Coaching

Bimbingan sesuai untuk pemilik perniagaan kecil dan ianya meliputi beberapa skop yang berbeza. Secara umumnya, fokus tumpuan adalah bagaimana untuk mengembangkan perniagaan kecil melalui pemasaran yang lebih berkesan, meningkatkan operasi syarikat dan meningkatkan keuntungan.

3) Personal Coaching

Kesedaran diri adalah asas kepada pembentukan peribadi, tanggungjawab, komunikasi dan hubungan. Melalui bimbingan peribadi, anda mengalami satu anjakan minda yang memberikan kesan ke atas pemikiran anda. Kesan daripada ini menghasilkan perasaan dan tingkah laku yang lebih positif dan membawa anda ke satu tahap lebih tinggi.

4) Executive Coaching

Bimbingan eksekutif direka untuk membantu pembangunan profesional dan peribadi ke tahap yang lebih baik. Ini termasuk peralihan kerjaya, pengurusan kerjaya dan pengurusan prestasi. Meningkatkan pemikiran yang strategik dengan berurusan secara berkesan dengan konflik, bagi membina semangat berpasukan yang berkesan dalam sesebuah organisasi.

RUNDINGAN PERCUMA

Sila hubungi saya atau e-mel hari ini untuk menerima rundingan percuma. Ini adalah peluang anda untuk mengambil kesempatan daripada sesi coaching percuma dengan kewajipan selanjutnya.

“Jika anda komited untuk menulis matlamat anda, 40% adalah anda lebih cenderung untuk mencapainya dan jika anda memberitahu orang lain anda adalah 60% lebih cenderung untuk mencapainya.”

***Nota :**

- Setiap sesi dijalankan antara 1- 2 jam
- Tempoh coaching antara 6 – 18 bulan

Sila hubungi :

Ritz Jaafar

Certified Business & Executive Coach,UM

Mobile : +6019 296 2666

Email : 360enquiry@gmail.com

Facebook : facebook.com/ritz.jaafar

facebook.com/360bizresources